

22 AUG 1997

LIM GOH TONG IALAH USAHAWAN IMPIAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pemilik Genting Berhad, Tan Sri Lim Goh Tong, ialah seorang usahawan yang pasti diimpikan oleh mana-mana kerajaan kerana beliau merealisasikan dasar dan usaha kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Ketika berucap pada majlis hari jadi Lim yang ke-80 tahun di sini, Dr Mahathir berkata Lim ialah antara anggota sektor swasta yang bekerjasama rapat dengan kerajaan sejak sebelum pelaksanaan Persyarikatan Malaysia.

Dr Mahathir berkata usaha Lim membangunkan pusat peranginan Genting Highland telah mengalakkan lagi pelancongan di negara ini.

Beliau berkata Lim telah merealisasikan satu impian untuk membolehkan rakyat Malaysia mengalami iklim sejuk tanpa perlu pergi ke Eropah.

Sambil berseloroh Dr Mahathir berkata: "Hari ini, berjuta-juta orang naik ke bukit itu (Genting Highland) setiap tahun dan beliau menghadapi masalah untuk mengangkut mereka.

"Kerajaan sangat gembira dengan kejayaan beliau kerana beliau membayar cukai yang banyak. Saya berharap beliau menganggap pembayaran cukai itu sebagai sumbangan kepada pembangunan negara."

Perdana Menteri berkata cerita kejayaan Lim, yang datang ke Malaysia ketika berusia 20 tahun dan kini "jauh daripada kedaifan", sebagai satu cerita masyarakat Cina di Malaysia. -- BERNAMA

AD NAK